



HARUN (tiga kiri), Hamidon (tiga kanan) merakamkan gambar kenangan bersama tetamu kehormat selepas menandatangani dokumen perjanjian.

Pusat Kitar Semula bakal dibangun di UMS

UB 16.01.2014 A6

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal membangunkan sebuah Pusat Kitar Semula dengan kerjasama Hatareka Perunding Sdn Bhd.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berharap jalinan kerjasama itu dapat diperkuatkan lagi bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan penjagaan alam sekitar.

"Kerjasama ini adalah titik permulaan yang baik untuk UMS kerana pihak Hatareka Perunding Sdn Bhd sanggup membiayai pusat kitar semula ini."

"Justeru, ini adalah satu pencapaian yang baik kerana UMS mendapat sokongan daripada pihak swasta untuk terlibat dalam perjuangan memelihara alam sekitar," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman



HAMIDON (dua kanan) dan Harun (dua kiri) ketika menandatangani dokumen perjanjian.

(MoU) antara UMS dan Hatareka Perunding, di bangunan Cancelori UMS, kelmarin.

Menurut Harun, tapak pembinaan pusat terbabit sudah dikenal pasti dan kini dalam proses pembersihan kawasan bagi tujuan pembinaan.

Katanya untuk permulaan, bangunan seluas 700 kaki persegi itu akan dibina merangkumi bilik pameran, bilik perkongsian dan pusat pengumpulan.

"Pembinaan secara berperingkat ini dijangka siap dalam tempoh tiga bulan selepas sebulan proses pembersihan kawasan," katanya sambil menambah, konsep pembangunan pusat itu adalah berdasarkan bangunan hijau.

Turut hadir, Pengarah Urusan Hatareka Perunding Ir Hamidon Mohd Ali dan Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus Dr Awangku Hassanah Bahar Pengiran Bagul.